

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 17.5.2016

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan peruntukan menaik taraf atau membina baru sekolah-sekolah rendah dan asrama yang masih berkeadaan uzur di kawasan Parlimen Tanjung Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sentiasa berusaha memastikan kemudahan pendidikan di sekolah-sekolah daif termasuk kemudahan asrama sekolah disediakan dengan sempurna dan berkualiti dengan memohon kelulusan peruntukan dan pelaksanaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Namun demikian, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek pembangunan fizikal sekolah di Parlimen Tanjung Manis, di bawah RMke-11 KPM telah

mengemukakan permohonan RP2 (2017-2018) melibatkan 2 projek dengan kos keseluruhan RM24,832,000.00. Selain itu terdapat juga 2 projek sambungan dalam pelaksanaan RMke-11 yang melibatkan kos keseluruhan RM32,600,000.00.

Sementara itu, di bawah RMke-10, 54 projek di Parlimen Tanjung Manis telah siap dan diserahkan dengan kos keseluruhan sebanyak RM150,323,350.22. Manakala bagi penyelenggaraan pula, sebanyak 28 sekolah di Parlimen Tanjung Manis telah menerima peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM1.606 juta pada tahun 2015 daripada keseluruhan RM47.94 juta peruntukan penyelenggaraan bagi JPN Sarawak bagi tahun tersebut.

Bagi tahun ini, JPN Sarawak telah memohon sebanyak RM181.5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan sekolah di seluruh negeri Sarawak dan sehingga April 2016, sebanyak RM6.18 juta telah disalurkan. Pengagihan peruntukan ke sekolah-sekolah akan dilakukan oleh pihak JPN Sarawak, tertakluk kepada keperluan yang kritikal dan mendesak dan berdasarkan peruntukan yang ada.

SOALAN (84)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 17 MEI 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kedudukan projek terbengkalai sepanjang 3 tahun lalu, di bawah dasar bina dahulu jual kemudian dan apakah insentif yang disediakan kepada pemaju-pemaju yang melaksanakan projek bina dahulu jual kemudian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2013 sehingga 2015 sebanyak 48 buah projek merangkumi 7,397 unit rumah perumahan swasta telah diisyiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan Seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118].

Bagi menggalakkan pembinaan perumahan berdasarkan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ), Kerajaan telah memberi pelbagai insentif seperti pengecualian bayaran deposit lesen pemajuan perumahan dan permit iklan jualan dan *fast lane* bagi kelulusan kebenaran merancang, pembangunan tanah dan pelan bangunan dalam tempoh 4 bulan selepas menerima dokumen permohonan yang lengkap.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016